

19/04/2000

Peniaga Amerika bantu bangunkan K-ekonomi

PUTRAJAYA, Selasa - Majlis Perniagaan Amerika Syarikat (AS)-Asean, yang mewakili 24 industri gergasi di negara itu, hari ini membuat komitmen kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk membantu Malaysia membangunkan ekonomi berasaskan pengetahuan (K-ekonomi).

Mereka memberi jaminan kepada Perdana Menteri untuk membawa masuk idea baru, modal dan teknologi selain mengenal pasti tiga bidang, termasuk pelancongan, bagi menjadikan Malaysia destinasi utama pelancong AS.

Pengerusi bersama majlis itu, Michael A Stephen, berkata dua bidang lain yang turut menjadi tumpuan bagi kerjasama antara sektor swasta AS dan Malaysia melalui majlis itu ialah pembangunan sumber manusia serta teknologi tinggi/perusahaan kecil dan sederhana (SME).

Katanya, mereka berbincang dengan Perdana Menteri mengenai cara peniaga AS boleh memperbaiki hubungan dua hala dan bagaimana mereka dapat terus menjadikan Malaysia sebagai pusat pelaburan utama.

"Kita sudah ada program tindakan mengenai apa yang ingin dilakukan. Perdana Menteri sangat gembira dan berpuas hati dengan komitmen ini. Kami akan kembali lagi September ini bagi memperincikan kerjasama dalam bidang yang sudah dikenal pasti itu.

"Dr Mahathir juga menyentuh mengenai usaha Malaysia untuk membangunkan K-ekonomi dan kami sedia membantu," katanya pada sidang akhbar selepas mengetuai 47 eksekutif kanan mewakili 24 syarikat gergasi AS, dalam pertemuan kira-kira 90 minit dengan Dr Mahathir di pejabatnya di sini.

Majlis Perniagaan AS-Asean bertindak sebagai sekretariat AS untuk majlis perniagaan Malaysia-AS bagi kerjasama antara sektor swasta kedua-dua negara yang mengadakan pertemuan setiap tahun bagi merapatkan kerjasama ekonomi serta politik dua hala.

Antara syarikat gergasi yang diwakili dalam pertemuan itu ialah Aetna International Inc (Aetna), Lucent Technologies, Starwood Hotels & Resort Worldwide Inc (Starwood) dan American Express.

Bulan lalu, Dr Mahathir mengumumkan kerajaan akan menyiapkan Pelan Strategi Kebangsaan, Oktober ini sebagai pelan induk kepada perubahan ekonomi negara berasaskan pengeluaran (P-ekonomi) kepada K-ekonomi dan dijangka dilaksanakan sepenuhnya dalam tempoh 18 bulan lagi.

Stephen yang juga Pengerusi Aetna berkata, pihaknya berhasrat mengadakan kerjasama dengan rakan sejawat di Malaysia untuk membantu membangunkan usaha menambah pekerja berpengetahuan di negara ini.

"Kita mahu mewujudkan program tukaran latihan amali membabitkan pelajar Malaysia dan wakil sektor swasta yang bertugas di firma Amerika. Matlamatnya ialah merapatkan kerjasama pembangunan sumber manusia.

"Kami turut memberi tumpuan kepada SME dan akan menjemput pengusaha SME Malaysia untuk membawa Amerika bagi melihat sendiri bagaimana industri berkaitan dijalankan di negara kami," katanya.

Beliau berkata, kerjasama juga sedang dijalankan antara masyarakat perniagaan Amerika, diketuai eksekutif American Express, Starwood dan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, yang mengadakan pertemuan berasingan semalam.

"Mesyuarat semalam membuah hasil apabila kedua-dua pihak membuat komitmen untuk memajukan industri pelancongan secara bersama, dengan menjadikan tarikan serta kemudahan pelancongan negara ini sebagai aset utama bagi menjadikan Malaysia destinasi bagi pasaran pelancong Amerika.

"Jawatankuasa pemandu di kalangan syarikat berasaskan pelancongan

Amerika akan dibentuk untuk menyelaraskan perbincangan dengan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan mengenai perancangan serta pelaksanaan sebarang cadangan nanti," katanya.

Stephen berkata, pihaknya akan membangunkan projek bagi memaparkan profil Malaysia dari segi tarikan pelancongan termasuk mengadakan persidangan mengenai potensi industri itu.

Ketika ini, syarikat Amerika adalah pelabur terbesar di Malaysia dan sudah meningkatkan pelaburan mereka sebanyak 66 peratus kepada RM6 bilion iaitu 66 peratus kenaikan dari 1997 hingga akhir 1998.

Amerika juga adalah pasaran utama Malaysia dan negara itu mempunyai defisit perdagangan RM10 bilion dengan Malaysia pada 1998.

(END)